



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Cerita, Cita-Cita dan Cabaran Sambung Belajar.”

24 Ogos 2021 - Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi yang dilaksanakan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program pada pagi ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Encik Shahril Annuar bin Bahrom dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Muhamad Amirul Hanif bin Md Tahir. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Dr. Nik Rafidah binti Nik Yusoff, Pegawai Psikologi, Pusat Kerjaya telah menyampaikan perkongsian pengalaman bertajuk “Cerita, Cita-Cita dan Cabaran Sambung Belajar.”

Dr. Nik Rafidah telah menceritakan pengalaman beliau semasa belajar melanjutkan pengajian (PhD) di luar negara dari 2017-2020. Beliau telah diuji dengan pelbagai cabaran semasa menimba ilmu pengetahuan. Suaminya mengalami masalah kesihatan tetapi telah berjaya menanganinya. Kejayaan yang diperoleh bermula dengan pelbagai keperitan dan kesukaran. Satu formula yang paling bagus dalam diri beliau ialah tidak menjadikan diri sangat sempurna tetapi mengikut tarikh penghantaran tugas dengan tepat.

Beliau mempunyai semangat yang sangat kental berlandaskan ciri-ciri doa, sedekah, pergantungan kepada Allah, pengorbanan, komitmen, fikir maju ke depan, sistem sokongan, timeline, ujian & cabaran dan sentiasa mempermudah urusan orang lain.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

